

TALKING POINT  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSOLOR**  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN  
PADA 21 JULAI 2010  
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yg Berusaha Tuan Haji Rusli Abdul Hamid, Pendaftar  
UniMAP,

Yg. Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yg Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan  
Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi dengan limpah dan KurniaNya yang memberi kesempatan untuk kita bersama berkumpul pada pagi yang indah ini. Sudah dua minggu kita tidak bertemu kerana pada minggu lalu saya terlalu sibuk. Bersyukurlah kerana pada minggu ini dapat juga kita bersua untuk bersama-sama bersenamrobik.

**Ladies and gentlemen,**

Last week was a busy week for me because from the 8<sup>th</sup> till the 12<sup>th</sup> of July, I was in the Kingdom of Saudi Arabia with Mohd. Mustafa al-Bakri Abdullah and Assoc. Prof. Che Mohd. Ruzaidi Ghazali for the MoA & MoU signing ceremony in the field of research and development (R & D) with a renown research institute in Saudi Arabia, King AbdulAziz City of Science And Technology (KACST) worth RM1.5 million (U.S. \$ 465,000).

This research grant will enable both UniMAP and KACST researchers to collaborate in accomplishing research and development of green concrete without cement (Green Polymeric Concrete) which is safe for the environment. This milestone marks the joint efforts of both parties in strengthening co-operation in the fields of scientific research and development. It also signifies a **concrete** step in fostering

relationship between Malaysia and Kingdom of Saudi Arabia and at the same time help to improve the quality of research.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pada 8 hingga 12 Julai 2010 yang lalu, saya telah ke Arab Saudi bersama dengan Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah dan Prof. Madya Che Mohd. Ruzaidi Ghazali bagi menghadiri satu majlis menandatangani memorandum persefahaman dan memorandum perjanjian dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan agensi penyelidikan Arab Saudi, King AbdulAziz City of Science And Technology (KACST) yang bernilai RM1.5 juta (USD\$ 465,000).

Geran penyelidikan itu kelak membolehkan penyelidik UniMAP dan juga penyelidik KACST bekerjasama melaksanakan penyelidikan dan pembangunan konkrit hijau tanpa simen (Green Concrete Plymeric) yang selamat untuk alam sekitar. Diharap perjanjian kerjasama tersebut dapat mengembangkan lagi jalinan kerjasama antara UniMAP dan Kerajaan Arab Saudi dan pada masa sama membantu meningkatkan kualiti penyelidikan.

Di samping itu, perjanjian ini dilihat boleh memacu perkongsian dan perpindahan teknologi antara kedua-dua agensi apatah lagi dengan pengalaman luas yang dimiliki oleh KACST yang merupakan organisasi penyelidikan terulung di

Arab Saudi. Saya yakin dan percaya, perjanjian yang dimeterai ini akan membantu memelihara alam sekitar sekaligus menyumbang kepada pengurangan pencemaran udara tanpa mengabaikan aspek kualiti produk.

Sekalung tahniah saya ucapkan En. Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah dan Prof. Madya Che Mohd. Ruzaidi Ghazali serta Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar, Puan Noorazian Mohamed Noor kerana diberikan kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab besar ini.

Hadirin hadirat sekalian,

Khamis lalu sekali lagi kita diuji apabila sebanyak 63 buah rumah termasuk kediaman pelajar, klinik kesihatan, rumah rehat dan dewan kuliah di sekitar Kampung Wai, Kuala Perlis terlibat dengan bencana alam (ribut kencang) dimana telah menyebabkan 148 orang pelajar dipindahkan segera ke kolej-kolej kediaman yang masih kosong. Ribut kencang tersebut menyebabkan kebanyakan rumah pelajar musnah dibahagian bumbung dan saya amat berterima kasih dan memuji tindakan kakitangan Kolej Kediaman UniMAP yang mengambil tindakan drastik bagi memastikan keselamatan para pelajar terjamin.

Rentetan dari ribut kencang itu, kita telah menubuhkan Jawatankuasa Bencana dan membuka Bilik Gerakan di Pejabat Pengetua, Kolej Kediaman yang mula beroperasi

selama 24 jam. Pihak UniMAP juga turut membantu para pelajar dari segi kewangan dengan memberikan sedikit sumbangan berjumlah RM 500 kepada setiap pelajar yang terlibat dengan bencana alam ini. Majlis penyampaian sumbangan ini di sampaikan sendiri oleh saya pada hari Sabtu yang lalu.

Justeru itu, janganlah kita menganggap ujian ini sebagai bebanan tetapi anggaplah ia sebagai dugaan Allah kepada hambanya. Tambahan lagi ini bukan kali pertama kita dilanda ribut kerana pada tahun lalu juga kejadian yang sama turut berlaku cuma tidak seteruk tahun ini.

Dalam Al Quran, Allah berfirman bahawa :

**Tidak ada sesuatu musibah pun yang menimpa seseorang kecuali dengan izin Allah; dan barang siapa yang beriman kepada Allah, niscaya Dia akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu. (Surah. At-Taghaabun, ayat 11)**

Kakitangan yang saya kasihi sekalian,

Seperti tiga tahun sebelum ini, pada sesi kemasukan pelajar bagi sidang akademik 2010/2011 ini sekali lagi UniMAP dibawah kelolaan Unit Kajian Strategik telah menganjurkan program Baktasiswa Perdana siri empat pada 16 hingga 18 Julai yang lalu. Seramai 1,500 mahasiswa melibatkan 700

keluarga angkat dari 36 kampung di sekitar Perlis telah menyertai program ini.

Selain itu, pada tahun ini juga buat julung kalinya melibatkan penyertaan secara langsung dari para pelajar antarabangsa UniMAP dengan penglibatan seramai 48 orang pelajar yang terdiri daripada pelbagai negara antaranya ialah China dan Uzbekistan.

Saya percaya program yang berlangsung selama tiga hari ini mampu memupuk perpaduan antara kaum sekaligus menyemarakkan lagi konsep 1 Malaysia di kalangan mahasiswa UniMAP.

Selain itu, program ini juga dilihat dapat mendidik para mahasiswa tentang gaya hidup masyarakat di Perlis serta mendalami budaya dan tradisi masyarakat Perlis yang tinggi dengan adat dan susilanya selain memupuk semangat patriotisme yang tinggi.

Hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, marilah sama-sama kita renungkan kata-kata ini;

**Ambillah kebaikan dari orang yang mempunyai kebaikan dan tinggalkanlah keburukan yang ada pada orang yang mempunyai keburukan. Latihlah diri kita untuk membalas**

**dengan kebaikan kepada orang-orang yang telah berbuat  
keburukan kepada kita.**

**Beljarlah menahan diri dari selalu ingin melihat jasa dan  
kebaikan sendiri. Orang yang ikhlas itu bijak  
menyembunyikan kebbaikannya sebagaimana dia  
menyembunyikan keburukannya.**

**Tidak ada sesuatu yang lebih baik daripada akal yang  
diperindah dengan ilmu, ilmu dengan kebenaran,  
kebenaran dengan kebaikan, dan kebaikan dengan taqwa.**

**Orang yang beriman itu mempunyai upaya untuk  
mengajak kepada kebaikan, mengajak kepada perkara-  
perkara yang akan mendekatkan kepada Allah dan  
melarang dari perbuatan yang tidak disukai Allah.**

**Sama-samalah kita renungkan kata-kata ini demi  
memperbaiki kelemahan dan kekurangan diri masing-  
masing.**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....